

## Buktikan OKU boleh berjaya

**Serdang:** Biarpun cacat kedua belah kaki sejak lahir dan terpaksa menggunakan kerusi roda, ia bukan halangan buat Hussain Said, 20, untuk berdikari dan melanjutkan pengajian ke Universiti Putra Malaysia (UPM) demi mengejar impian menjadi pensyarah.

Anak kelahiran Tanjung Karang, Selangor itu berkata, kejayaan menempatkan diri ke institut pengajian tinggi terkemuka negara itu membuktikan orang kurang upaya (OKU) sepertinya mampu bersaing dengan insan sempurna lain berbekalkan keazaman dan usaha gigih.

Menurut pelajar jurusan Sarjana Muda Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu) itu, dia tidak menganggap kecacatan dialami sebagai penghalang untuknya berjaya kerana setiap orang mempunyai peluang sama, cuma yang membezakannya adalah sikap dan usaha masing-masing.

"Cabaran hidup di universiti ini memang berbeza dengan sekolah kerana semuanya kena buat sendiri. Ia melatih diri saya untuk menjadi lebih kuat, berdikari dan berani bertanya."

"Begitupun, saya yakin dapat menjalani kehidupan serta menguruskan diri kerana UPM adalah institusi yang mesra OKU dan jika ada masalah, pihak pentadbir meminta saya mengajukan kepada mereka supaya ia dapat diselesaikan segera," katanya ketika ditemui pada Majlis Ikrar Pelajar Baru Sesi 2015/2016 di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Sharafuddin Abdul Aziz Shah, UPM, di sini, semalam.

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah merangkap Tuanku Canselor UPM berkenan mencemar duli menerima perakuan ikrar pelajar buat julung kali sejak majlis berkenaan diadakan.

Hadir sama Pengurus Lembaga Pengarah UPM Prof Emeritus Tan Sri Dr Syed Jalaluddin Syed Salim dan Naib Canselor UPM Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramelan.

Seramai 2,775 pelajar baru program Sarjana Muda mendaftar di UPM tahun ini termasuk 176 pelajar antarabangsa selain kemasukan tujuh atlit hoki negara yang memenangi pingat emas di Sukan SEA 2015, empat OKU dan tiga Orang Asli.

Pelajar Orang Asli dari suku kaum Semaq Beri, Shilly Leong Sik Lee, 20, berkata



**Cabar hidup di universiti ini memang berbeza dengan sekolah kerana semuanya kena buat sendiri"**

**Hussain Said**



**Zaman sekarang semakin ramai Orang Asli dapat masuk universiti, malah lima kakak dan abang saya juga berjaya melanjutkan pelajaran di universiti"**

**Shilly Leong Sik Lee**

dia gembira dan bangga dapat melanjutkan pengajian di UPM sekali gus membuktikan etnik Bumiputera sepertinya kini mampu berdiri setaraf dengan kaum lain.

"Zaman sekarang semakin ramai Orang Asli dapat masuk universiti, malah lima kakak dan abang saya juga berjaya melanjutkan pelajaran di universiti, jadi peluang sekarang semakin terbuka luas dan sama rata," kata pelajar Sarjana Muda Sains (Pembangunan Manusia dan Pengurusan).